



SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK

BILANGAN 3 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR, PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU DAN SEMAKAN SEMULA PROGRAM AKADEMIK

Bahagian Hal Ehwal Akademik
14 Februari 2023

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
Pendaftar
Pegawai-Pegawai Kanan

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

14 Februari 2023

SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK BILANGAN 3 TAHUN 2023

GARIS PANDUAN PELANTIKAN PEMERIKSA LUAR, PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT BAGI PENAWARAN PROGRAM AKADEMIK BAHARU DAN SEMAKAN SEMULA PROGRAM AKADEMIK

1.0 TUJUAN

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-219 Bilangan 2/2023 yang bersidang pada 14 Februari 2023 telah bersetuju dengan pemakaian Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat Bagi Penawaran Program Akademik Baharu dan Semakan Semula Program Akademik.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Pusat Pembangunan Akademik telah menyediakan garis panduan yang merujuk kepada Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat yang dikeluarkan oleh MQA (Surat Makluman MQA Bil. 2/2015 pada Jun 2015) Dokumen *Guideline to Good Practices: Monitoring, Reviewing and Continually Improving Institutional Quality* ada menyatakan bahawa penglibatan Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat diperlukan bagi menilai tahap MQF bermula tahap 6 dan ke atas.
- 2.2 Garis Panduan ini menjadi panduan bagi semua Fakulti untuk melantik Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat bagi penilaian program akademik baharu dan penilaian semakan semula program akademik.

3.0 PANDUAN PENGGUNAAN ISTILAH PEMERIKSA LUAR, PENASIHAT LUAR DAN LEMBAGA PENASIHAT

| PERKARA | PEMERIKSA LUAR (External Examiner) | PENASIHAT LUAR (External Advisor) | LEMBAGA PENASIHAT (Advisory Board) |
|----------|--|--|---|
| UPSI | Pemeriksa Luar (one-off) | Penasihat Luar (one-off) | JK Pengajian Program (JKPP) (lantikan setahun) |
| Bilangan | 1 orang | 1 orang | 3 orang (seorang ahli akademik luar, seorang ahli industri DAN seorang alumni) |
| Kriteria | Individu luar dari UPSI yang mempunyai: a) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat sarjana, ATAU b) kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima tahun, DAN c) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI. | Individu luar dari UPSI yang mempunyai: a) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat sarjana, ATAU b) kepakaran dan/atau pengalaman dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima tahun, DAN c) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI. | <u>Ahli Akademik Luar*</u> Individu luar dari UPSI yang mempunyai: a) kelayakan akademik dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya peringkat sarjana, ATAU b) kepakaran dalam bidang yang dilantik sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman, DAN c) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI <i>* Pada tahap 6 dan ke atas MQF, penyemakan ini perlu melibatkan penilai luar (MQA: Panduan Penggunaan Istilah Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat).</i> <u>Ahli Industri</u> Individu luar dari UPSI yang: a) bekerja dalam bidang yang dilantik |

| PERKARA | PEMERIKSA LUAR (External Examiner) | PENASIHAT LUAR (External Advisor) | LEMBAGA PENASIHAT (Advisory Board) |
|-------------------|---|---|--|
| | | | <p>atau program yang disemak sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman, ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> b) memegang jawatan tinggi dan dihormati dalam kalangan warga industri atau organisasi, DAN c) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI <p><u>Ahli Alumni,</u> Individu yang:</p> <ul style="list-style-type: none"> a) bergraduat dari UPSI sekurang-kurangnya tiga tahun dalam program akademik yang digubal/disemak atau setara, DAN b) Tidak mempunyai sebarang kepentingan dengan UPSI |
| Tahap Penglibatan | Kursus | Program (Mesyuarat di peringkat Jabatan atau Fakulti) | Program (Mesyuarat dipengerusikan oleh TNCA) |
| Peranan | Memastikan UPSI mengekalkan standard pemarkahan dan peperiksaan (<i>second marker</i>) yang telah ditetapkan bagi program atau kursus yang berkaitan. | <p>Bagi <u>program akademik baharu</u>, penasihat luar berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal penggubalan kurikulum program akademik baharu terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program.</p> <p>Bagi <u>semakan semula program akademik</u>, penasihat luar berperanan untuk memberi</p> | <p>Bagi <u>program akademik baharu</u> DAN <u>semakan semula program akademik</u>, lembaga penasihat berperanan memberi cadangan dan pandangan dari segi kesesuaian reka bentuk program, hala tuju program dan prospek program akademik di industri.</p> |

| PERKARA | PEMERIKSA LUAR (External Examiner) | PENASIHAT LUAR (External Advisor) | LEMBAGA PENASIHAT (Advisory Board) |
|------------------|--|---|--|
| | | cadangan dan pandangan terhadap pelaksanaan kurikulum semasa. | Lembaga penasihat juga berperanan sebagai penasihat projek tahun akhir, penceramah hal-ehwal akademik program, juri pertandingan yang melibatkan program dan mana-mana peranan yang berkaitan dengan program pengajian yang dilantik. |
| Tanggungjawab | <ul style="list-style-type: none"> a) Menyemak atau memeriksa kerja kursus, projek, kertas soalan dan kertas jawapan peperiksaan pelajar. b) Menyemak atau memeriksa pemarkahan yang telah diberikan kepada pelajar adalah bersesuaian. c) Menyediakan laporan penilaian dan dilaporkan dalam Mesyuarat Peperiksaan UPSI berkaitan dengan proses pentaksiran yang dijalankan mengikut standard yang telah ditetapkan. | <ul style="list-style-type: none"> a) Memberi input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti. b) Menyediakan laporan penilaian dan dihantar kepada Penyelaras Program untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik UPSI. | <ul style="list-style-type: none"> a) Memberi input dan pandangan terhadap kesesuaian reka bentuk program, hala tuju program dan prospek program untuk penambahbaikan sebelum persetujuan di peringkat fakulti. b) Menyediakan laporan penilaian dan dihantar kepada Penyelaras Program untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Akademik UPSI. |
| Skop Penglibatan | Sebelum dan selepas peperiksaan akhir | Peringkat awal penggubalan program akademik baharu dan peringkat awal semakan semula program akademik. | <p>Peringkat awal penggubalan program akademik baharu dan peringkat awal semakan semula program akademik.</p> <p>(tertakluk kepada keperluan di peringkat fakulti atau jabatan bagi kekerapan semakan semula program akademik untuk menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan).</p> |

| PERKARA | PEMERIKSA LUAR (External Examiner) | PENASIHAT LUAR (External Advisor) | LEMBAGA PENASIHAT (Advisory Board) |
|------------|--|--|---|
| Pelantikan | <ul style="list-style-type: none"> a) Senarai calon yang dicadangkan oleh Fakulti mesti dimajukan beserta <i>Curriculum Vitae</i> lengkap. b) Pelantikan oleh Naib Canselor atau TNCA tertakluk kepada kelulusan Senat. c) Pemeriksa luar yang sama boleh dilantik semula sekali sahaja selepas tempoh lantikan beliau tamat. | <ul style="list-style-type: none"> a) Senarai calon yang dicadangkan oleh Fakulti mesti dimajukan beserta <i>Curriculum Vitae</i> lengkap. b) Pelantikan oleh Naib Canselor atau TNCA tertakluk kepada kelulusan Senat. c) Penasihat Luar yang sama boleh dilantik semula sekali sahaja selepas tempoh lantikan beliau tamat. | <ul style="list-style-type: none"> a) Senarai calon yang dicadangkan oleh Fakulti mesti dimajukan beserta <i>Curriculum Vitae</i> lengkap. b) Pelantikan oleh Naib Canselor atau TNCA tertakluk kepada kelulusan Senat. c) Lembaga Penasihat yang sama boleh dilantik semula sekali sahaja selepas tempoh lantikan beliau tamat. |

4.0 KEPUTUSAN SENAT

- 4.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju memperakui dan meluluskan Garis Panduan Pelantikan Pemeriksa Luar, Penasihat Luar dan Lembaga Penasihat Bagi Penawaran Program Akademik Baharu Dan Semakan Semula Program Akademik.
- 4.2 Borang Laporan Penilaian Program Diisi oleh Penasihat Luar atau Ahli Jawatankuasa Pengajian Program (JKPP) (Akademik Luar) Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Borang Laporan Penilaian Program diisi oleh Ahli Jawatankuasa Pengajian Program (JKPP) (Ahli Industri/ Alumni) Universiti Pendidikan Sultan Idris adalah seperti di **Lampiran A**.

5.0 TARIKH KUASA

Surat Pekeliling ini mula berkuatkuasa pada 14 Februari 2023.

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”
“PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN”**



(PUAN SUHAILA SIDEK)
Ketua Timbalan Pendaftar
Bahagian Hal Ehwal Akademik
Tarikh: 14 Februari 2023

LAMPIRAN A

**LAPORAN PENILAIAN PROGRAM
DISI OLEH AHLI JAWATANKUASA PENGAJIAN PROGRAM (JKPP) (AHLI INDUSTRI/ ALUMNI)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

| | |
|---|---|
| Fakulti | : |
| Nama Program yang Dinilai | : |
| Status Program yang Dinilai <i>Sila ✓</i> | <input type="checkbox"/> Program Baharu <i>Bagi program akademik baharu, JKPP Ahli industri dan Alumni berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal pengubalan kurikulum program akademik baharu terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program.</i> <input type="checkbox"/> Semakan Program <i>Bagi semakan semula program akademik, JKPP Ahli industri dan Alumni berperanan untuk memberi cadangan dan pandangan terhadap perancangan pelaksanaan kurikulum terbaharu.</i> |
| Nama Penilai | : |
| Tarikh Penilaian | : |

| BIL | PERKARA | ULASAN/KOMEN DARI PENILAI | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARI PENILAI | TINDAKAN UPSI |
|-----|--|---------------------------|--------------------------------------|---------------|
| 1 | Latar Belakang Program <ul style="list-style-type: none"> • Nama Program • Mod Pengajian • Tempoh Pengajian • Jam Kredit Bergraduat • Syarat Kemasukan • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 2 | Reka Bentuk Kurikulum <ul style="list-style-type: none"> • Keupayaan untuk mengintegrasikan kemahiran penyelesaian masalah, pemikiran kritis, dan kebolehan membuat keputusan secara tepat dan beretika. | | | |

| BIL | PERKARA | ULASAN/KOMEN DARI PENILAI | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARI PENILAI | TINDAKAN UPSI |
|-----|--|---------------------------|--------------------------------------|---------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> • Struktur kurikulum adalah sistematis dan relevan dengan bidang yang ditawarkan di industri. • Kurikulum yang komprehensif dan mampu melengkapkan graduan kepada alam pekerjaan. • Kurikulum menyediakan kursus-kursus berkaitan pengalaman kerja seperti latihan amali, internship, <i>attachment</i> dan lain-lain program yang bersesuaian. • Lain-lain yang berkaitan. | | | |
| 3 | Fasiliti <ul style="list-style-type: none"> • Fizikal dan Teknikal • Bilik Kuliah & Makmal • Alat/Bahan Bantu Mengajar • Lain-lain yang berkaitan. | | | |
| 5 | Pensyarah <ul style="list-style-type: none"> • Kelayakan mengikut bidang • Keperluan <i>attachment</i> pensyarah dengan industri • Lain-lain yang berkaitan. | | | |
| 6 | Hubungan Industri <ul style="list-style-type: none"> • Kebolehpasaran graduan (skop kerja, bidang, jawatan yang diperlukan) • Kelestarian Program • Kriteria graduan yang diperlukan oleh industri dalam bidang pengajian. • Lain-lain yang berkaitan. | | | |

Pemerhatian/Komen/ Cadangan Secara Keseluruhan:**Laporan disediakan oleh:**

.....
()

**LAPORAN PENILAIAN PROGRAM
DISI OLEH PENASIHAT LUAR ATAU AHLI JAWATANKUASA PENGAJIAN PROGRAM (JKPP) (AKADEMIK LUAR)
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

Fakulti

: _____

Nama Program yang Dinilai

: _____

Status Program yang Dinilai

Sila ✓

Program Baru

Bagi program akademik baru, penilai luar atau JKPP Akademik Luar berperanan memberi cadangan dan pandangan di peringkat awal penggubalan kurikulum program akademik baru terutama dari segi kesesuaian reka bentuk program.

Semakan Program

Bagi semakan semula program akademik, penilai luar atau JKPP Akademik Luar berperanan untuk memberi cadangan dan pandangan terhadap perancangan pelaksanaan kurikulum terbaharu.

Nama Penilai

: _____

Tarikh Penilaian

: _____

| BIL | PERKARA | ULASAN/KOMEN DARI PENILAI | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARI PENILAI | TINDAKAN UPSI |
|-----|--|---------------------------|--------------------------------------|---------------|
| 1 | Latar Belakang Program <ul style="list-style-type: none"> • Nama Program • Mod Pengajian • Tempoh Pengajian • Jam Kredit Bergraduat • Syarat Kemasukan • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 2 | Reka Bentuk Kurikulum <ul style="list-style-type: none"> • Struktur Kurikulum • Komponen Kursus<ul style="list-style-type: none"> ◦ Nama kursus ◦ Sinopsis ◦ Hasil Pembelajaran Program ◦ Isi Kandungan | | | |

| BIL | PERKARA | ULASAN/KOMEN DARI PENILAI | CADANGAN PENAMBAHBAIKAN DARI PENILAI | TINDAKAN UPSI |
|-----|--|---------------------------|--------------------------------------|---------------|
| | <ul style="list-style-type: none"> ◦ SLT ◦ Penilaian ◦ Bahan Rujukan • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 3 | Elemen Transformatif dalam Penyampaian PdP <ul style="list-style-type: none"> • Kaedah Penyampaian • Kesediaan Pensyarah • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 4 | Fasiliti <ul style="list-style-type: none"> • Fizikal dan Teknikal • Bilik Kuliah & Makmal • Alat/Bahan Bantu Mengajar • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 5 | Pensyarah <ul style="list-style-type: none"> • Kelayakan mengikut bidang • Beban tugas yang sesuai • Nisbah antara pensyarah dan pelajar • Pembangunan staf akademik • Lain-lain yang berkaitan | | | |
| 6 | Lain-Lain <ul style="list-style-type: none"> • Kebolehpasaran graduan • Kelestarian Program • Kekuatan program berbanding universiti lain • Kesesuaian kerangka EXCEL dengan program (jika berkenaan) • Lain-lain yang berkaitan | | | |

Pemerhatian/Komen/ Cadangan Secara Keseluruhan (jika berkenaan):

Laporan disediakan oleh:

.....
()